

## PERKARA PATUT DAN PERKARA TIDAK PATUT UNTUK BKSS 7.0 DAN BKSS 7.0+

---

### PATUT

- (i) Salinan Borang 9, Borang 24, Borang 49, Borang 78 atau salinan Profail Syarikat disahkan secara digital atau salinan Profail Perniagaan disahkan secara digital atau salinan Perkongsian Liabiliti Terhad dan Pegawai Pematuhan atau Cabutan Pendaftaran Nama Perniagaan dan lain-lain dokumen sokongan termasuk **sijil pemerbadanan syarikat atau sijil pendaftaran perniagaan** yang dikeluarkan oleh badan-badan profesional dan lesen perniagaan;
- (ii) Salinan penyata bank yang mengandungi nama bank, alamat bank, nombor akaun rasmi bank untuk tujuan penyaluran bantuan kewangan khas, nama syarikat dan alamat syarikat;
- (iii) Ringkasan Penyata PERKESO yang menunjukkan sumbangan PERKESO dengan jumlah pekerja bagi bulan Mei hingga Julai 2021. Pihak syarikat perlu mengemukakan Borang 8A PERKESO atau cabutan maklumat daripada *MyAssist* atau ringkasan penyata PERKESO yang menunjukkan nama syarikat, ID syarikat, jumlah pekerja dan bulan;
- (iv) Semua dokumen mestilah disahkan oleh pemilik syarikat atau pengarah atau setiausaha syarikat atau pegawai kerajaan Gred 41 (kumpulan professional dan pengurusan) dan dicop dengan cop syarikat. Pemilik syarikat atau pengarah atau setiausaha syarikat yang mengesahkan dokumen-dokumen tersebut mestilah yang berdaftar seperti dalam Borang 24 dan Borang 49 atau cabutan pendaftaran nama syarikat atau document sokongan yang lain;
- (v) Lesen perniagaan mestilah sah dan telah diperbaharui. Pemberitahuan penerimaan pembaharuan lesen mestilah dikepilkan bersama sekiranya lessen perniagaan yang sah belum dikeluarkan;

- (vi) Pastikan maklumat seperti nama pemegang syer, number kad pengenalan atau number passport atau number pendaftaran syarikat pemegang syer, peratusan syer, nama bank dan number bank akaun dimasukkan dalam sistem dengan tepat;
- (vii) Mempunyai tandatangan elektronik dalam *Declaration Form*
- (viii) Dokumen yang diimbas mestilah dalam resolusi yang jelas

#### **TIDAK PATUT**

- (i) Salinan potostat dokumen digital yang telah disahkan;
- (ii) Lesen yang telah tamat tempoh. Resit pembaharuan lesen perniagaan tidak disertakan;
- (iii) Penyata PERKESO tanpa nama syarikat, ID majikan dan jumlah pekerja, termasuk tidak mengemukakan penyata PERKESO untuk bulan Mei hingga Julai 2021;
- (iv) Dokumen-dokumen sokongan tidak diperolehi dari pihak-pihak berkuasa yang berkaitan;
- (v) Mengemukakan dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemaskini;
- (vi) Dokumen-dokumen yang diimbas tidak jelas dan hanya menunjukkan sebahagian daripada maklumat;
- (vii) Dokumen-dokumen sokongan seperti Borang 9, Borang 24, Borang 49, Borang 78 atau cabutan pendaftaran nama syarikat, sijil pendaftaran syarikat, penyata bank dan lain-lain dokumen sokongan tidak disahkan oleh pemilik/pengarah syarikat/setiausaha syarikat/pegawai Kerajaan Gred 41 (Kumpulan Professional dan Pengurusan) dan tidak dicopkan dengan cop syarikat;

(viii) Declaration Form dikemukakan tanpa tandatangan elektronik.